

26 AUG 2002

Mahathir-Melayu (Bergambar)

TIDAK BERSEPADU PUNCA MELAYU TERPINGGIR DI PULAU PINANG

KUALA LUMPUR, 26 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata sikap berpecah belah dan saling mempertikaikan semua perkara merupakan punca mengapa bangsa Melayu, terutamanya di Pulau Pinang, terpinggir di tempat sendiri.

Katanya, keadaan akan menjadi bertambah buruk sekiranya orang Melayu malas berusaha untuk meningkatkan taraf hidup mereka ke tahap yang lebih baik.

"Ini akan membawa kepada kemunduran kaum itu sendiri, bukan sahaja di Pulau Pinang, tetapi juga di seluruh negara," katanya semasa menjawab soalan media selepas menyampaikan taklimat pada Majlis Penerangan Tatacara Mesyuarat dan Pemilihan Pergerakan Puteri UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Beliau diminta mengulas laporan mengenai kenyataan Ketua UMNO Bahagian Tanjung, Datuk Ahmad Ibni Hajar bahawa orang Melayu di Pulau Pinang adalah kaum yang paling malang di negeri itu kerana tidak diambil kira oleh kerajaan negeri.

Menurut laporan itu Ahmad mendakwa kedudukan Melayu sebagai kaum minoriti di Pulau Pinang menyebabkan mereka terpinggir kerana kerajaan negeri lebih memberi tumpuan kepada kawasan-kawasan yang dihuni oleh kaum Cina seperti Georgetown, Bukit Mertajam, Bayan Baru dan Tanjung Bungah.

Dr Mahathir berkata orang Melayu seharusnya ingat bahawa sekitar tahun 1930 majoriti penduduk negara ini terdiri daripada kaum pendatang.

"Jika keadaan itu berterusan, maka kita tidak lagi akan berkuasa dalam negara kita sendiri," katanya.

Menurut Dr Mahathir, orang Melayu di negara ini masih tidak insaf akan segala kekurangan yang mereka hadapi, malah ada yang terpengaruh dengan dakyah politik parti pembangkang seperti Pas.

"Kita suruh orang Melayu jangan berpecah, tapi bila Pas ditubuhkan, maka berpecahlah orang Melayu. Sebelum ada Pas, orang Melayu semua bersatu dalam Umno, tidak ada masalah," katanya.

Menyentuh dakwaan bahawa peluang ekonomi kurang diberikan kepada orang Melayu, Dr Mahathir berkata semua kaum di negara ini mendapat peluang dan pengagihan yang sama banyak dan adil.

"Kita beri peluang ekonomi yang cukup banyak... tetapi kadang-kadang apa yang kita beri itu, mereka beri pada orang dan pihak lain," katanya.

Dalam hal ini, kata Perdana Menteri, semua pihak perlu menganalisis diri sendiri dan membetulkan segala kesilapan yang berlaku, bukannya menuding jari kepada pihak lain.

"Semua orang melakukan kesilapan dalam perkara ini. Kita tidak boleh menuding jari pada orang lain sahaja. Yang paling penting, kita perlu tanya diri sendiri, apakah tanggungjawab kita dilaksanakan dengan baik, atau tidak," katanya.

-- BERNAMA

SOP AHH NMO